

02/02/2002

Hunter pastikan Mapei kuasai peringkat pertama

Halmi Samad

PELUMBA terbaik Afrika Selatan 2001, Robert Hunter mengesah keunggulan Mapei-Quick.Step selaku pasukan pilihan utama apabila menakluki perlumbaan peringkat pertama ujian masa individu (ITT) Le Tour de Langkawi 2002 (LTdL 2002) di Putrajaya, semalam.

Hunter - juara ITT Afrika Selatan tahun lalu, menangkis asakan Nathan O'Neill dengan kelebihan 43 saat apabila menang berbekal masa 24 minit 57:17 saat.

Pemecut harapan Mapei itu ditabal penyarung jersi kuning pertama apabila perlumbaan peringkat kedua berlepas hari ini dari Klang ke Sitiawan sejauh 183.5 kilometer.

Awalnya O'Neill menyangka kemenangan berpihak buatnya, namun Hunter yang dianggap pelumba berpengalaman berkayuh di LTdL memperhebat daya kayuhan apabila melepasi separuh perlumbaan.

O'Neill sekadar menduduki tempat kedua dengan masa 25.40:36 sambil Eric Wohlberg yang menolak lamaran Team Telekom Malaysia Allstars gah di tangga ketiga, 25.42:23s.

Pelumba harapan negara, Shahrulneeza Razali sekadar menduduki tempat ke-106 dengan masa 28.56:93s - satu pencapaian yang agak mengecewakan buat pasukan Malaysia.

Sambil menganggap kemenangan berkenaan cukup manis, Hunter yang menjuarai satu perlumbaan peringkat Vuelta a Espana 2001 berazam mahu mengekalkan jersi itu sekurang-kurangnya tiga peringkat lagi.

"Ini satu kemenangan yang sangat bagus. Saya berkayuh cukup baik hari ini (semalam). Saya juga ada pasukan yang sangat bagus dalam Le Tour de Langkawi 2002.

"Saya rasa kami tidak bermasalah untuk mengulangi pencapaian muncul juara keseluruhan berpasukan kali ini," katanya selepas majlis penyampaian hadiah oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Putrajaya, semalam.

Mapei - juara tiga LTdL mendahului senarai keseluruhan berpasukan dengan 1.16.54s meninggalkan jauh Panaria di tempat kedua 1:19.08s dan Team Nurnberger ketiga, 1.19.52s.

Apapun, Andrea Tafi paling mengejutkan apabila berjaya melolos dan menempatkan dirinya dalam kelompok sepuluh teratas sekalipun dibelenggu kecederaan kronik musim lalu.

Tafi, pelumba veteran Mapei yang bergelar Gladiator hanya keciciran 1.11:18s di belakang Hunter, sekali gus membayangkan kesungguhan untuk menempa kemasyhuran.

PERINGKAT PERTAMA

1 Robert Hunter (Mapei) 24.57:17s; 2 Nathan O'Neill (Panaria) 25.40:36s; 3 Eric Wohlberg (Kanada) 25.42:23s; 4 Artour Babaitsev (Nurnberger) 25.43:87s; 5 David Canada Garcia (Mapei) 25.49:03s; 6 Andrea Tafi (Mapei) 26.08:35s; 7 Jorgen Bo Petersen (Team Fakta) 26.11:18s; 8 Charles Wegelius (Mapei) 26.12:95s; 9 Hernan Dario Munoz (Selle-Italia) 26.29:09s; 10 Luca Scinto (Mapei) 26.20:22s.

KATEGORI INDIVIDU ASIA: 1 Arnel Quirimit (Filipina) 26.23.47s; 2 Kader Mizbani (Team Telekom Malaysia) 27.01:16s; 3 Makoto Iijima (Jepun) 27.21:49s, 4 Kazuya Okazaki (Jepun) 27.27:11s; 5 Tonton Susanto (Team Telekom Malaysia) 27.27:66s...106 Shahrulneeza Razali (Mas) 28.56:93s; 117 Wong Ah Thiam 29.12:32s; 120 Jasmin Ruslan 29.15:92s; 128 Tsen Seong Hoong (Mas) 29.39:20s; 133 Shahrizan Selamat (Mas) 29.49:91s; 142 Suhardi Hassan

(Mas) 30.44.71s; 147 Nasir Yusoff 31.37:44s.

PASUKAN ASIA: 1 Jepun 2 Team Telekom Malaysia Allstar 3 Filipina 4  
Malaysia 5 China.

(END)